

**PM, TPM lawat Pulau Pinang  
Utusan Online  
14 April, 2012**

NIBONG TEBAL 13 April - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan mengadakan lawatan kerja ke Pulau Pinang 22 April ini.

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Zainal Abidin Osman berkata, Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor bakal mengikuti jadual ketat semasa kunjungan sehari ke negeri ini.

Menurut beliau, antaranya Najib akan mengadakan perjumpaan dengan jentera BN dan melancarkan program Pusat Daerah Mengundi (PDM) di Bukit Jawi Golf Resort, dekat Nibong Tebal pada pukul 9.30 pagi.

Menurutnya, Najib kemudiannya beramah mesra dengan rakyat pada jamuan rakyat di Simpang Tiga, Nibong Tebal pada pukul 11 pagi.

"Perdana Menteri akan bertemu dengan beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di Universiti Sains Malaysia (USM) pada pukul 2.30 petang diikuti pertemuan dengan masyarakat Cina pada pukul 4 petang di tempat sama sebelum berangkat pulang ke Kuala Lumpur," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Sementara itu, Zainal Abidin berkata, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pula akan melakukan lawatan kerja sehari ke Pulau Pinang pada 26 April ini.

Menurutnya, Muhyiddin akan bertemu dengan pekerja kilang di Kawasan Perindustrian Bayan Lepas di Western Digital pada pukul 9.30 pagi.

"Selepas itu, Timbalan Perdana Menteri akan menghadiri jamuan rakyat dengan penduduk pelbagai kaum termasuk peladang, penternak dan nelayan di Batu Maung, Bayan Baru," katanya.

Beliau berkata, Muhyiddin juga akan melancarkan Karnival NGO 1Malaysia di Politeknik Seberang Perai, Permatang Pauh pada pukul 2.30 petang yang akan dihadiri oleh NGO yang aktif di negeri ini.

"Selepas itu, Muhyiddin akan menghadiri perjumpaan dengan jentera parti Barisan Nasional (BN) di Kampung Juru, Batu Kawan," ujarnya.

Zainal Abidin berkata, pihaknya berterima kasih kepada Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kerana mengambil berat nasib rakyat negeri ini dalam memastikan kebajikan mereka terbela.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0414&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_13.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0414&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_13.htm)